

08/04/2003

Gerbang Perdana ganti Tambak Johor

Ahmad Ghazali Musa

TAMBAK Johor yang menghubungkan Johor Bahru dengan Woodlands, Singapura, yang dibuka secara rasmi pada 1924 bertujuan menampung keperluan pengguna ketika itu, kini sudah sampai masanya dibangunkan semula.

Ini kerana tambak dibina merentasi Selat Johor yang lebih dikenali Selat Tebrau berusia hampir 80 tahun, itu tidak mampu lagi menampung peningkatan trafik dari kedua-dua negara, meskipun nostalgia laluan ini begitu banyak dan amat sukar dilupakan.

Selain kesesakan laluan trafik yang semakin bertambah, pembangunan pesat pusat bandar Johor Bahru turut menyaksikan pembinaan rangkaian jalan raya yang sibuk, dihubungkan pula dengan tambak menjadikan laluan bertambah sesak dan kurang selesa digunakan.

Berikutan keadaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pembinaan sebuah jambatan baru pada 5 Julai 1996 bagi menggantikan Tambak Johor.

Bermula dari saat itu, kertas cadangan bagi pembangunan semula Tambak Johor dilakukan Gerbang Perdana Sdn Bhd (Gerbang Perdana). Pembangunan tambak disertakan pembinaan semula kemudahan Kompleks Kastam dan Imigresen (KIK) sedia ada dan kerja menaik taraf jalan raya yang menghubungkan ke sistem rangkaian lalu lintas di pusat bandar Johor Bahru.

Ia diikuti cadangan penswastaan Projek Southern International Gateway (SIG) oleh Gerbang Perdana kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 24 Disember 1998. Pada 1 November 2001, kerajaan mengarahkan Gerbang Perdana mengemukakan cadangan lain bagi projek SIG sehingga tercetus pembangunan yang dinamakan Projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB).

Selepas Kementerian Kewangan menyerahkan secara rasmi projek itu untuk dilaksana Gerbang Perdana pada 12 Mac 2002, syarikat terus melaksanakan kerja pembersihan kawasan, kerja tanah dan membina pejabat di tapak projek, manakala kerja menanam cerucuk bagi Kompleks KIK sedang dilaksana.

Perdana Menteri merasmikan upacara pecah tanah projek terbabit pada 14 Februari lalu. Kerajaan menyerahkan surat anugerah bagi pelaksanaan projek itu kepada Gerbang Perdana pada 2 April lalu.

Antara komponen utama projek GSB ialah Kompleks KIK Bersepadu; lebuh raya dan rel keretapi di jambatan; jejambat dan jalan dalam; pengalihan paip air utama PUB; kerja meroboh dan mengalih struktur Tambak Johor sedia ada dan kerja penggalian bagi membentuk laluan untuk pelayaran.

Projek yang membabitkan kos kira-kira RM2 bilion itu meliputi kawasan seluas 42.4 hektar dengan separuh daripada keluasan itu diguna untuk pembinaan Kompleks KIK, manakala bakinya bagi pembinaan kemudahan sokongan.

Banyak manfaat bakal diperoleh daripada projek GSB ini terutama dari segi kelancaran laluan trafik di sekitar pusat bandar Johor Bahru; meningkatkan sistem rangkaian jalan raya menghubungkan Kompleks KIK ke Lebuhraya Utara Selatan dan jalan di pusat bandar.

Selain itu, projek terbabit berupaya meningkatkan lagi sistem pengangkutan menghubungkan Johor Bahru ke Singapura yang pastinya menjimatkan masa perjalanan, kos pengendalian kenderaan, keselamatan dan keselesaan.

Malah, projek ini dapat menggalakkan lagi pelancong Singapura melawat ke Malaysia tanpa banyak halangan lalu lintas, di samping memperbanyakkan kegiatan maritim seperti bersantai mengguna bot di Selat Tebrau sekali gus menggiatkan lagi industri pelancongan dan berkaitan seperti pembuatan bot.

Dari segi ekonomi projek ini berupaya menyumbang kepada aspirasi negara mewujudkan laluan utama di sebelah Selatan; merangsang industri pembinaan, pelancongan dan pembangunan kawasan sekitar yang sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Bahkan, projek mega ini turut menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar khususnya di Selat Tebrau apabila air di selat terbabit tidak lagi tersekat oleh Tambak Johor seperti sekarang. Ia sekali gus mampu meningkatkan mutu air di selat berkenaan dan menggalakkan pembiakan lebih banyak hidupan laut.

Projek ini juga berupaya mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar Johor Bahru dan serentak itu mengurangkan kadar pencemaran bunyi dan udara di kawasan sekitar.

Daripada segi keselamatan, tempoh perjalanan di antara timur dan barat di Selat Tebrau dapat dipendekkan dan bantuan ketika kecemasan laut dapat dipertingkatkan; meningkatkan kecekapan pemantauan di lautan bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang asing.

Ringkasnya, projek ini mempunyai kepentingan strategik kepada negara dengan kesan serta faedah yang berganda kepada ekonomi, sosial dan politik untuk rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Pembangunan projek GSB dijangka mengambil tempoh 34 bulan dengan Kompleks KIK Bersepadu dan jambatan dijangka mula beroperasi menjelang 2005. Keseluruhan komponen projek ini dijangka siap sepenuhnya menjelang April 2007.